

Pemulihan ekonomi dirancakkan tahun ini

PUTRAJAYA: Kerajaan akan merencanakan pemulihan ekonomi dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif seperti diumumkan dalam dokumen Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) dan Bajet 2022 bagi memastikan ketahanan ekonomi dan kesejahteraan Keluarga Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, bagi mencapai matlamat itu, kerajaan antara tumpuan utama tahun ini mewujudkan sekurang-kurangnya 600,000 peluang pekerjaan baharu di samping pemulihan segera sektor Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS).

“Tahun 2022 juga adalah tahun untuk Malaysia kembali ke landasan bagi menetapkan pelan ekonomi negara jangka masa panjang. Beberapa tema mustahak perlu digerakkan pada tahun ini.

“Antaranya ialah pemeraksanaan ekonomi digital sejajar dengan tuntutan realiti semasa. Atas kesedaran sama tentang perlunya mengadaptasi kepada keperluan kini dan masa depan, Malaysia juga memberikan komitmen bagi mencapai status *carbon neutral nation* pada tahun 2050,” kata beliau dalam perutusan khas sempena Tahun Baharu 2022 di sini malam tadi.

Menurut Perdana Menteri, di sebalik segala kesulitan dihadapi tahun 2021 juga menyaksikan permulaan usaha kerajaan memulih dan menstrukturkan ekonomi negara dan membuahkan hasil dengan pencapaian positif beberapa indikator-indikator utama ekonomi makro dan rakyat.

Buat pertama kali, kata beliau, jumlah perdagangan mencecah RM2 trillion selepas

berkembang 24.6 peratus bagi tempoh Januari hingga November lalu berbanding tempoh sama tahun 2020 selain Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia turut meningkat sebanyak 3 peratus dalam tempoh sembilan bulan pertama 2021.

Sebagai indikator kepada kerancakan ekonomi di peringkat kepenggunaan, beliau berkata, nilai jualan perdagangan borong dan runcit juga merekodkan peningkatan sebanyak 5.4 peratus kepada RM116.4 bilion pada Oktober 2021.

Malah, katanya, kadar pengangguran sudah beransur pulih kepada 4.3 peratus pada Oktober 2021, berbanding kemuncak 5.3 peratus pada Mei 2020 dan angka terbaru juga lebih rendah daripada dua bulan sebelumnya.

“Angka pelaburan sering menjadi antara petunjuk popu-

lar keyakinan komuniti perniagaan terhadap keutuhan ekonomi sesebuah negara. Di sini, Malaysia mencatatkan perkembangan positif RM12.8 bilion pelaburan langsung asing (FDI) bersih pada suku ketiga 2021 berbanding RM8.2 bilion pada suku kedua, iaitu peningkatan sebanyak 56 peratus.

“Ini menjadikan jumlah FDI bersih bagi tempoh sembilan bulan pertama tahun ini sebanyak lebih RM30 bilion. Saya juga yakin, dengan momentum pertumbuhan ekonomi negara, dijangka berterusan pada tahun 2022 dengan kadar pertumbuhan KDNK yang diunjurkan berkembang antara 5.5 peratus hingga 6.5 peratus, seiring dengan unjuran Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) pada 6 peratus dan Bank Dunia pada 5.8 peratus,” katanya.